

Artikel

Hubungan antara Sikap dengan Niat Pembelajaran Bahasa Cina di Serian, Sarawak
(*The Relationship between Attitude and Intention to Learn Chinese among Students in Serian, Sarawak*)

Yin Yiun Lee*, Fong Peng Chew & Yin Yin Yeoh

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

*Pengarang Koresponden: leeyinyiun@gmail.com

Diserah: 27 Mac 2025

Diterima: 09 Julai 2025

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap sikap dan niat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Cina serta menganalisis hubungan antara kedua-duanya dalam kalangan pelajar Cina luar bandar sekolah menengah kebangsaan di Serian, Sarawak. Bahasa Cina dalam konteks ini merujuk kepada bahasa Mandarin (juga dikenali sebagai *Huayu*) yang diajarkan sebagai mata pelajaran di sekolah. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Seramai 174 pelajar dipilih secara rawak mudah sebagai responden. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar luar bandar mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran bahasa Cina, dengan komponen kognitif mencatatkan skor tertinggi, diikuti oleh afektif dan perilaku. Skor komponen perilaku yang sedikit lebih rendah mencerminkan cabaran pelajar untuk mengamalkan penggunaan bahasa secara konsisten dalam situasi formal seperti di bilik darjah. Tahap niat pelajar juga tinggi, khususnya dalam aspek niat tulen dan niat tingkah laku. Analisis korelasi mendapati hubungan yang signifikan dan sangat kuat antara sikap dan niat ($r = .714$, $p < .01$), dengan komponen afektif mencatatkan korelasi tertinggi. Dapatan ini menyokong hipotesis kajian dan mengukuhkan kesesuaian penggunaan Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behavior*) dalam menjelaskan niat pembelajaran bahasa Cina dalam kalangan pelajar luar bandar. Implikasinya, pembentukan sikap positif perlu diberi keutamaan dalam reka bentuk kurikulum dan pengajaran agar dapat meningkatkan niat pelajar untuk belajar bahasa Cina. Dapatan ini dapat memandu pihak berkepentingan dalam merangka strategi pendidikan ke arah pemeliharaan dan kelestarian bahasa Cina dalam masyarakat berbilang bahasa di Malaysia.

Kata Kunci: Sikap; bahasa Cina; niat untuk belajar; pelajar Cina; sekolah menengah kebangsaan

Abstract: This study aimed to identify the levels of attitude and intention towards learning the Chinese language and to analyse the relationship between these two variables among rural Chinese students in national secondary schools in Serian, Sarawak. In this context, “Chinese” refers to Mandarin (also known as *Huayu*), which is taught as a subject in schools. The study employed a quantitative approach using a survey method, with questionnaires as the primary instrument for data collection. A total of 174 students were selected through simple random sampling as respondents. The data obtained were analysed using the Statistical Package for the Social Sciences. Findings revealed that rural students had a generally positive attitude towards learning Chinese, with the cognitive component recording the highest mean score, followed by affective and behavioural components. The slightly lower score in the behavioural component reflects challenges students face in consistently using the language in formal settings, such as in the classroom. The overall level of intention to learn the Chinese language was also high, particularly in terms of intrinsic motivation and

behavioural intent. Correlation analysis indicated a significant and strong relationship between attitude and intention ($r = .714$, $p < .01$), with the affective component showing the strongest correlation. These findings support the study's hypothesis and reinforce the relevance of the Theory of Planned Behavior in explaining language learning intentions among rural students. The findings imply that the development of positive attitudes should be prioritised in the curriculum and instructional design to enhance students' intentions to learn the Chinese language. This study provides empirical insights that could guide stakeholders in formulating educational strategies to maintain and conserve the Chinese language within Malaysia's multilingual society.

Keywords: attitude; Chinese; intention of learning; Chinese students; national secondary schools

Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan pelbagai mata pelajaran elektif di peringkat sekolah menengah atas, di bawah bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Bahasa, Pengajian Islam, Sastera Ikhtisas, dan Kemanusiaan berpandukan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KPM, 2019). Pelaksanaan kurikulum ini bertujuan memberi fleksibiliti kepada pelajar untuk memilih bidang yang selaras dengan minat, keperluan akademik, dan pembangunan negara. Namun, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, bilangan pelajar yang mengambil bahasa Cina sebagai mata pelajaran elektif di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menunjukkan trend penurunan yang membimbangkan. Data daripada Laporan Analisis Peperiksaan SPM (KPM, 2019a, 2020, 2021, 2022, 2023, 2024) merekodkan penurunan sebanyak 8.2% antara tahun 2018 hingga tahun 2020, diikuti pola tidak konsisten sehingga tahun 2023, meskipun berlaku sedikit peningkatan pada tahun 2021.

Fenomena penurunan niat pembelajaran bahasa Cina dalam kalangan pelajar bukan sahaja mencerminkan isu nasional yang membimbangkan dari sudut pemeliharaan warisan bahasa, tetapi turut memberi kesan langsung terhadap pembangunan modal insan berbilang bahasa yang menjadi matlamat Dasar Pendidikan Negara. Dalam era globalisasi yang menuntut penguasaan pelbagai bahasa, khususnya bahasa Cina sejajar dengan kebangkitan China sebagai kuasa ekonomi dunia, trend ini boleh menjejaskan daya saing negara di pentas antarabangsa serta melemahkan daya saing dalam sektor ekonomi, diplomasi dan perdagangan global. Maka fenomena penurunan niat pembelajaran bahasa Cina perlu dikaji dengan meneliti aspek sikap pelajar, yang secara amnya merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi niat serta motivasi mereka untuk memilih sesuatu mata pelajaran.

Menurut *Theory of Planned Behavior* (TPB) yang dikemukakan oleh Ajzen (1985), niat merupakan teras utama yang meramalkan sama ada seseorang akan melaksanakan sesuatu tingkah laku. Niat ini terbentuk hasil gabungan tiga faktor iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku yang dirasakan (*perceived behavioral control*). Sejajar dengan aplikasi teori ini dalam bidang pendidikan, niat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran turut dipengaruhi oleh komponen sikap, sama ada dari aspek afektif, kognitif, dan perilaku (Gardner, 1985; Csizer & Dornyei, 2005; Karahan, 2007; Reid, 2003). Hal ini telah dibuktikan melalui kajian-kajian terdahulu yang menunjukkan hubungan konsisten antara sikap positif dengan kecenderungan memilih bidang pendidikan (Palmer, 2020; Jeffries, Curtis, & Conner, 2019; Anghelache, 2013). Sehubungan dengan itu, kajian ini menumpukan kepada pengukuran sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Cina dan menguji hubungan antara sikap tersebut dengan niat mereka.

Meskipun isu ini melibatkan pelajar di seluruh negara, kajian ini memberi tumpuan khusus kepada pelajar Cina sekolah menengah kebangsaan di daerah Serian, Sarawak. Serian merupakan kawasan luar bandar yang unik dari segi sosiobudaya dengan jumlah penduduk etnik Cina yang relatif kecil (10.87%) berbanding dengan Bidayuh (49.05%), Iban (20.86%), Melayu (15.67%), dan etnik lain-lain (3.55%) (Department of Statistics Malaysia, 2020). Pelajar Cina di sini sering berinteraksi dalam persekitaran yang didominasi oleh pelbagai bahasa dan kumpulan etnik lain. Dalam kalangan pelajar Cina sendiri pula, penggunaan bahasa Cina tidak semestinya dominan kerana ramai yang lebih fasih berbahasa dialek seperti Hakka ataupun berbahasa etnik tempatan.

Keunikan masyarakat pelbagai etnik dan bahasa di Serian menjadikannya sesuai untuk menjalankan kajian ini. Fokus utama adalah untuk meninjau sikap pelajar Cina terhadap bahasa Cina sebagai warisan budaya serta menilai niat mereka untuk melanjutkan pengajian dalam bahasa tersebut. Selain itu, pemilihan lokasi ini turut dipengaruhi oleh keadaan semasa penawaran mata pelajaran bahasa Cina di peringkat sekolah menengah. Berdasarkan situasi di Serian, hanya tiga daripada enam buah sekolah menengah kebangsaan yang menawarkan mata pelajaran bahasa Cina. Situasi ini mencerminkan cabaran akses serta pengekalan minat dalam kalangan pelajar minoriti Cina terhadap bahasa Cina dalam sistem pendidikan arus perdana. Sejalan dengan latar belakang yang telah dibincangkan, kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif dan menguji hipotesis berikut:

- i. Mengenal pasti tahap sikap terhadap bahasa Cina dalam kalangan pelajar Cina di sekolah menengah kebangsaan, Serian.
- ii. Mengenal pasti tahap niat untuk belajar bahasa Cina dalam kalangan pelajar Cina di sekolah menengah kebangsaan, Serian.
- iii. Mengenal pasti hubungan antara tahap sikap terhadap bahasa Cina dengan tahap niat untuk belajar bahasa Cina dalam kalangan pelajar Cina di sekolah menengah kebangsaan, Serian.

Hipotesis kajian:

- i. Ha1: Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap terhadap bahasa Cina dengan tahap niat untuk belajar bahasa Cina dalam kalangan pelajar Cina di sekolah menengah kebangsaan, Serian.

Sorotan Literatur

1. Konsep Sikap

Sikap terhadap pembelajaran merujuk kepada penilaian individu terhadap mata pelajaran tertentu sama ada secara positif atau negatif (Hofstein & Mamlok-Naaman, 2011; Swirski & Baram-Tsabari, 2014) yang terdiri daripada komponen afektif, kognitif dan perilaku (Wenden, 1991). Komponen kognitif merujuk kepada kepercayaan atau pandangan individu terhadap sesuatu objek, manakala komponen afektif melibatkan perasaan dan emosi seperti rasa suka atau tidak suka terhadap sesuatu objek. Komponen perilaku pula merujuk kepada kecenderungan bertindak atau niat terhadap objek tersebut. Ketiga-tiga komponen ini saling berinteraksi dalam membentuk sikap individu (Di Martino & Zan, 2011). Sebagai contoh, pelajar yang menganggap sesuatu mata pelajaran penting (kognitif) mungkin berasa yakin (afektif) dan menunjukkan tingkah laku positif seperti memberi tumpuan dalam kelas (Zan & Di Martino, 2007; Attard, 2012). Hal ini sejajar dengan Model ABC (*Affective-Behavior-Cognitive*) yang menggabungkan ketiga-tiga komponen tersebut.

Walaupun terdapat perbezaan pendekatan dalam menilai sikap, sesetengah penyelidik berpendapat bahawa penilaian satu komponen sudah memadai kerana korelasi yang kuat antara ketiga-tiga komponen dan ia tidak semestinya meningkatkan kebolehamalan kajian (Extra, 1984; Ajzen, 1991). Namun, ada yang menegaskan bahawa sikap bersifat komponen dan perlu dinilai secara menyeluruh (Gardner, 1985). Kajian seperti Anghelache (2013) dan Spiteri & Axisa (2022) menyokong pendekatan ini dengan menunjukkan bahawa gabungan penilaian kognitif, afektif dan perilaku lebih berkesan untuk menjelaskan tingkah laku pelajar. Hal ini mencerminkan bahawa satu komponen sahaja tidak mencukupi untuk meramal tingkah laku secara menyeluruh.

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini mengambil pendekatan untuk menguji ketiga-tiga komponen sikap untuk menggambarkan sikap pelajar Cina terhadap bahasa Cina secara lebih holistik. Dalam konteks kajian ini, komponen afektif dinilai melalui aspek perasaan bangga belajar bahasa Cina ("Saya berasa bangga dapat mempelajari bahasa Cina"); komponen kognitif melalui motivasi untuk mencapai prestasi yang baik ("Saya berhasrat untuk mencapai keputusan yang lebih cemerlang dalam peperiksaan bahasa Cina"); dan komponen perilaku melalui kecenderungan memberi perhatian semasa pengajaran berlangsung seperti (Saya fokus ketika guru bahasa Cina sedang mengajar).

2. Konsep Niat

Pemboleh ubah niat untuk bertindak ditemui dalam beberapa teori tingkah laku seperti Teori Tindakan Beralasan (Fishbein & Ajzen, 1975; Fishbein, 1980), TPB (Ajzen, 1985; Ajzen, 1991), Teori Sikap-Tingkah laku (*Attitude-Behavior Theory*) (Triandis, 1980) dan Teori Motivasi Perlindungan (*Protection Motivation Theory*) (Rogers, 1983). Teori-teori tingkah laku menegaskan bahawa niat merupakan penentu segera kepada tingkah laku sebenar serta mencerminkan kecenderungan seseorang untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu tindakan. Justeru, niat wajar dikaji terlebih dahulu sebagai pemboleh ubah bersandar sebelum dianalisis sebagai penentu kepada tingkah laku, seperti yang dilakukan dalam kajian-kajian terdahulu (Haunberger dan Hadjar, 2020; Sathapornvajara & Watanapa, 2012; Taylor, 2015; Zakaria et. al., 2012).

Pelbagai pendekatan untuk menilai niat telah diaplikasikan dalam kajian-kajian terdahulu, sama ada dari aspek keinginan, ramalan sendiri (Cohen & Hannon, 1993), niat tingkah laku (Armitage & Conner, 2001), atau jangkaan hasil (Liñán & Chen, 2009). Sebagai contoh, kajian Wen (2011) menilai niat pelajar bahasa Cina di Amerika Syarikat berdasarkan niat tulen (pembelajaran semasa) dan niat tingkah laku (melanjutkan pengajian). Seterusnya, Zakaria et al. (2012) menilai niat pelajar melalui ramalan sendiri terhadap pencapaian akademik dan pilihan kerjaya. Manakala, Taylor (2015) menggabungkan niat tulen, ramalan sendiri dan niat tingkah laku dalam konteks mata pelajaran A-level. Selain itu, Latifah (2015) menilai niat berdasarkan jangkaan hasil seperti kelayakan, peluang pekerjaan dan pembelajaran baharu. Sementara itu, Cohen dan Hannon (1993) menilai niat secara tidak langsung melalui kecenderungan bertindak pada masa depan, selaras dengan pendekatan Ajzen (1988).

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan, penilaian konstruk niat melalui pelbagai dimensi amat bergantung kepada objektif dan konteks penyelidikan. Maka pendekatan pelbagai dimensi ini wajar diguna pakai bagi memahami secara lebih menyeluruh tahap komitmen pelajar terhadap pembelajaran bahasa Cina, khususnya dalam meramalkan kecenderungan mereka untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Dalam konteks kajian ini, niat diteliti melalui empat aspek utama, iaitu niat tulen, contohnya “Saya berazam untuk belajar bahasa Cina dengan baik”, ramalan sendiri, seperti “Dalam tempoh lima tahun selepas menamatkan pengajian, saya mungkin akan bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan bahasa Cina”, niat tingkah laku, misalnya “Selepas kelas bahasa Cina tamat pada penggal ini, saya akan belajar bahasa Cina sebagai mata pelajaran elektif pada semester depan”; dan jangkaan hasil, seperti “Saya pernah membuat pertimbangan secara serius untuk memulakan kerjaya saya dalam bidang yang berkaitan dengan bahasa Cina.”

3. Hubungan Sikap dan Niat

TPB (Ajzen, 1985) menegaskan bahawa sikap merupakan peramal utama niat, terutamanya apabila individu merasakan mereka mempunyai kawalan terhadap perlakuan tersebut dan tidak dihalang oleh faktor luaran. Oleh itu, sikap positif terhadap pembelajaran bahasa bukan sahaja mencerminkan penghargaan terhadap nilai bahasa tersebut, malah turut berperanan sebagai pemangkin motivasi dalaman untuk meneruskan pembelajaran, termasuk dalam membuat keputusan memilihnya sebagai mata pelajaran elektif.

Kajian luar negara memberikan sokongan empirikal terhadap peranan sikap dalam mempengaruhi niat pelajar memilih mata pelajaran STEM. Pelajar cenderung menilai perasaan mereka terhadap sesuatu subjek sebelum mempertimbangkan nilai praktikalnya (Palmer, 2020) dan elemen seperti keseronokan dan kepercayaan sendiri terhadap sains menjadi peramal signifikan kepada niat (Jeffries, Curtis & Conner, 2019). Sikap positif terhadap matematik, fizik dan teknologi maklumat turut dikaitkan dengan kecenderungan meneruskan pengajian dalam bidang tersebut (Mazana et al., 2019; Taylor, 2015; Sathapornvajara & Watanapa, 2012). Fenomena ini selari dengan TPB yang menegaskan peranan sikap, terutamanya elemen afektif, sebagai penentu utama niat.

Dapatan dalam bidang pembelajaran bahasa pula menunjukkan pola yang bercampur-campur, mencerminkan pengaruh pelbagai faktor kontekstual. Dapatan kajian Getie (2020) menunjukkan bahawa sikap positif terhadap bahasa Inggeris boleh terbentuk melalui dorongan sosial, namun aspek persekitaran fizikal dan pedagogi boleh melemahkan kesan positif tersebut. Ini menegaskan bahawa selain sikap, norma mata pelajaran dan persepsi kawalan turut memainkan peranan penting sebagaimana dijelaskan dalam TPB.

Selain itu, terdapat beberapa kajian tempatan yang menyokong peranan sikap dalam mempengaruhi niat pembelajaran, seperti yang ditunjukkan oleh Zakaria et al. (2012) dalam konteks pengajian perakaunan serta Nasir dan Hamzah (2014) dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga. Namun, dapatan kajian mereka turut melaporkan bahawa faktor sosial seperti dorongan daripada guru dan rakan sebaya memperkuat kesan langsung sikap terhadap motivasi dan niat pembelajaran. Ini menguatkan lagi hujah bahawa TPB beroperasi dalam konteks sosial yang kompleks.

Berdasarkan perbincangan di atas, mendapati bahawa kajian-kajian terdahulu menggunakan kerangka teori berbeza dan tidak berasaskan TPB. Namun begitu, dapatan mereka kerap menyentuh elemen seperti sikap, pengaruh sosial, dan niat, iaitu konstruk utama yang diketengahkan dalam TPB. Oleh itu, TPB dipilih sebagai kerangka teori dalam kajian ini bagi menyediakan landasan yang sistematik untuk meneroka hubungan antara sikap dan niat pelajar Cina terhadap pembelajaran bahasa Cina dalam konteks luar bandar.


Secara keseluruhannya, kebanyakan kajian yang meneliti hubungan antara sikap dan niat lebih tertumpu kepada bidang sains dan matematik serta dilakukan dalam konteks bandar atau negara Barat. Kajian yang mengaplikasikan kerangka TPB dalam konteks pembelajaran bahasa warisan seperti bahasa Cina masih terhad, khususnya dalam kalangan pelajar berbangsa Cina di kawasan luar bandar Malaysia. Konteks seperti Serian di Sarawak, di mana pelajar Cina hidup dalam persekitaran sosiobudaya yang majmuk dan berinteraksi dalam pelbagai bahasa, belum banyak diteroka. Oleh itu, kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan meneliti hubungan antara sikap dan niat terhadap pembelajaran bahasa Cina dalam kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan di kawasan luar bandar, serta memperluas aplikasi TPB dalam bidang pendidikan bahasa.

4. Kerangka Teori Kajian

Kajian ini mengadaptasikan TPB yang dikemukakan oleh Ajzen (1985) sebagai asas dalam pembentukan hipotesis dan reka bentuk instrumen kajian ini. TPB menggariskan bahawa niat untuk melakukan sesuatu tingkah laku dipengaruhi oleh tiga konstruk utama, iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku yang dirasakan. Dalam konteks kajian ini, hanya konstruk sikap digunakan sebagai pemboleh ubah bebas, manakala niat untuk mempelajari bahasa Cina dijadikan sebagai pemboleh ubah bersandar. Berdasarkan kerangka ini, hipotesis kajian dirumuskan seperti berikut:

Ha1: Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap terhadap bahasa Cina dengan tahap niat untuk belajar bahasa Cina dalam kalangan pelajar Cina di sekolah menengah kebangsaan, Serian.

Untuk merekabentuk instrumen soal selidik, konstruk sikap telah dioperasikan kepada komponen afektif, kognitif dan perilaku. Setiap komponen ini diukur menggunakan item-item skala Likert yang dibina berdasarkan panduan TPB serta disesuaikan daripada kajian terdahulu. Pemboleh ubah niat pula diukur melalui pernyataan-pernyataan yang mencerminkan keinginan dan kesediaan pelajar untuk mempelajari bahasa Cina secara aktif. Bagi memudahkan pemahaman tentang hubungan antara konstruk sikap dan niat dalam kajian ini, Rajah 1 memperlihatkan kerangka konseptual yang diadaptasi berdasarkan TPB. Dengan merujuk Rajah 1, reka bentuk instrumen kajian difokuskan kepada pengukuran konstruk sikap (afektif, kognitif dan perilaku) dan niat (niat tingkah laku, niat tulen, niat ramalan sendiri dan niat jangkaan hasil) melalui item-item yang diadaptasi bagi mencerminkan hubungan teori yang dikaji.



Rajah 1. Kerangka konseptual

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Instrumen soal selidik digunakan untuk mengutip data yang melibatkan ramai responden (Jones, Baxter, & Kahnduja, 2013), mudah diuruskan dalam masa yang singkat tanpa kehadiran pengkaji dan data yang dikutip lebih mudah dianalisis (Wilson & McLean, 1994). Kajian ini dijalankan di Serian, Sarawak. Serian dipilih sebagai lokasi kajian disebabkan kawasan ini mempunyai populasi pelbagai etnik yang mengikuti pendidikan aliran kebangsaan. Pemilihan ini juga mengambil kira keperluan kajian terhadap konteks luar bandar yang masih kurang diberi perhatian dalam penyelidikan berkaitan sikap dan niat terhadap pembelajaran bahasa Cina. Populasi kajian terdiri daripada pelajar Cina yang mempelajari bahasa Cina di sekolah menengah kebangsaan di daerah Serian. Seramai 174 orang pelajar telah dipilih secara rawak mudah daripada tiga buah sekolah menengah kebangsaan sebagai sampel kajian.

Instrumen kajian ini mengandungi dua konstruk utama, iaitu sikap dan niat berdasarkan TPB (Ajzen, 1985). Instrumen sikap pelajar terhadap bahasa Cina diadaptasi daripada soal selidik yang dibina oleh Abidin, Pour-Mohammadi dan Alzwari (2012) dengan kebolehpercayaan Alfa Cronbach antara .778 dan .935 seperti yang ditunjukkan di Jadual 1. Instrumen niat untuk belajar bahasa Cina pula diadaptasikan daripada tiga soal selidik iaitu dua item (item 1 dan 2) daripada Wen (2011), dua item (item 3 dan 4) daripada Zakaria et al. (2012) dan dua item (item 5 dan 6) daripada Liñán dan Chen (2009) dengan kebolehpercayaan Alfa Cronbach .874 seperti yang ditunjukkan di Jadual 1. Skala sikap digunakan untuk mengukur persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Cina, manakala skala niat menilai kecenderungan mereka untuk meneruskan pengajian dalam bahasa tersebut.

Jadual 1. Kebolehpercayaan bagi setiap bahagian soal selidik

Bahagian	Perkara	Alfa Cronbach
A	Maklumat demografi responden	-
B	Sikap terhadap Bahasa Cina	.935
	Afektif	.907
	Kognitif	.804
	Perilaku	.778
C	Niat untuk Belajar	.874

Jadual 1 menunjukkan bahawa nilai Alpha Cronbach bagi konstruk sikap terhadap bahasa Cina ialah .935, dengan nilai α bagi aspek afektif (.907), kognitif (.804) dan tingkah laku (.778). Sementara itu, konstruk niat untuk belajar bahasa Cina mencatatkan nilai α sebanyak .874.

Bagi memastikan kesahan kandungan, item-item yang diadaptasi daripada kajian lepas telah melalui proses penilaian oleh tiga orang pakar dalam bidang pendidikan bahasa dan dua orang pakar dalam bidang psikologi pendidikan. Selain itu, kajian rintis dijalankan ke atas 30 orang pelajar yang mempunyai latar belakang serupa untuk menilai kefahaman, kesesuaian bahasa, dan kebolehpercayaan skala. Hasil analisis menunjukkan bahawa kedua-dua konstruk mempunyai kebolehpercayaan dalaman yang tinggi, dengan nilai Alpha Cronbach masing-masing .84 bagi sikap dan .88 bagi niat. Nilai ini melepasi ambang .70 yang lazimnya dianggap memuaskan (Pallant, 2020).

Secara ringkasnya, instrumen kajian terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A mengandungi soalan demografi responden, merangkumi peringkat persekolahan dan jantina. Bahagian B menilai sikap responden terhadap bahasa Cina berdasarkan tiga komponen, iaitu afektif, kognitif dan perilaku, yang terdiri daripada 17 item menggunakan skala Likert lima mata. Bahagian C pula menilai niat responden untuk mempelajari bahasa Cina melalui enam item menggunakan skala Likert tujuh mata. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 29.0. Data kajian ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens bagi memperoleh nilai min, sisihan piawai dan pekali korelasi *Pearson*.

Responden-responden kajian dikehendaki menjawab soal selidik Bahagian B (sikap terhadap bahasa Cina) dan Bahagian C (niat untuk belajar) berdasarkan tahap persetujuan terhadap pernyataan seperti yang ditunjukkan di Jadual 2 dan Jadual 3 masing-masing. Skala Likert lima mata bagi konstruk sikap dan tujuh

mata bagi konstruk niat digunakan berdasarkan kajian asal instrumen yang terbukti dengan kesahan dan bolehpercayaan yang tinggi. Selain itu, penggunaan skala likert yang berbeza turut berfungsi sebagai strategi untuk mengurangkan risiko responden memberi respons secara lalai atau mekanikal (*straight-lining*), yang boleh menjejaskan ketepatan data dan kesahan dalaman dapatan kajian. Tambahan pula, keputusan kajian rintis yang dijalankan menunjukkan bahawa responden dapat memahami dan memberi respons terhadap kedua-dua jenis skala tanpa sebarang kekeliruan. Oleh itu, penggunaan skala Likert bercampur ini adalah wajar berdasarkan kesesuaian dan tujuan kajian (Preston & Colman, 2000).

Jadual 2. Skala jenis Likert tujuh mata untuk instrumen soal selidik Bahagian B

Interpretasi skala Likert	Tahap persetujuan
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Kurang setuju
4	Tidak pasti
5	Agak setuju
6	Setuju
7	Sangat setuju

Jadual 3. Skala jenis Likert lima mata untuk instrumen soal selidik Bahagian C

Interpretasi skala Likert	Tahap persetujuan
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Tidak pasti
4	Setuju
5	Sangat setuju

Bagi menghuraikan jawapan yang diberikan oleh responden mengenai soalan kajian ini, satu garis panduan mengenai interpretasi skor min telah digunakan. Berdasarkan garis panduan tersebut, kekuatan skor min bagi sikap terhadap bahasa Cina dibahagikan kepada empat tahap iaitu dari tahap rendah ke tahap tinggi. Manakala kekuatan skor min bagi niat untuk belajar bahasa Cina dibahagi kepada lima tahap iaitu dari tahap sangat rendah ke tahap sangat tinggi. Tahap penilaian skor min skala Likert lima mata dan tujuh mata adalah berdasarkan cadangan oleh Nunnally dan Bernstein (1994) serta Ahmad (2012), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 dan Jadual 5.

Jadual 4. Interpretasi skor min bagi skala Likert lima mata

Skor purata min	Tahap
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana tinggi
2.01-3.00	Sederhana rendah
1.00-2.00	Rendah

Sumber: Nunnally dan Bernstein (1994)

Jadual 5. Interpretasi skor putara min bagi skala Likert tujuh mata

Skor purata min	Tahap
5.80-7.00	Sangat tinggi
4.60-5.79	Tinggi
3.40-4.59	Sederhana
2.20-3.39	Rendah
1.00-2.19	Sangat rendah

Sumber: Ahmad (2012)

Kekuatan korelasi ditentukan berdasarkan klasifikasi yang dikemukakan oleh Davies (1971), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Saiz hubungan ini adalah sejajar dengan interpretasi kekuatan korelasi yang dicadangkan oleh Cohen (1977), iaitu $r = .10$ dianggap kecil, $r = .30$ sederhana, dan $r = .50$ besar.

Jadual 6. Interpretasi nilai pekali korelasi

Nilai- r	Tahap hubungan
.90+	Hampir sempurna
.70 - .89	Sangat kuat
.50 - .69	Kuat
.30 - .49	Sederhana kuat
.10 - .29	Lemah
.01 - .09	Sangat lemah

Sumber: Davies (1971)

Hasil Kajian

1. Demografi Responden Kajian

Berdasarkan Jadual 7, jumlah keseluruhan responden kajian adalah seramai 174 orang. Daripada jumlah ini, responden perempuan lebih ramai, iaitu 104 orang (59.77%), berbanding 70 orang responden lelaki (40.23%). Dari segi peringkat persekolahan, 121 orang (69.54%) merupakan pelajar sekolah menengah rendah, manakala 53 orang (30.46%) merupakan pelajar sekolah menengah atas.

Jadual 7. Demografi responden kajian

Item	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	70	40.23
Perempuan	104	59.77
Peringkat sekolah		
Sekolah menengah rendah	121	69.54
Sekolah menengah atas	53	30.46

2. Tahap Sikap terhadap Bahasa Cina

Berdasarkan Jadual 8, tahap keseluruhan sikap pelajar terhadap bahasa Cina adalah tinggi (min = 4.04, sp = 0.63). Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa semua komponen sikap berada pada tahap tinggi, kecuali komponen perilaku yang berada pada tahap sederhana. Komponen kognitif mencatat skor min tertinggi (min = 4.09, sp = 0.61), diikuti oleh komponen afektif (min = 4.06, sp = 0.73), manakala komponen perilaku mencatatkan skor min terendah (min = 3.93, sp = 0.73).


Jadual 8. Tahap sikap pelajar terhadap Bahasa Cina mengikut komponen

Konstruk	Komponen	Min	SP	Tahap
Sikap		4.04	0.63	Tinggi
	Afektif	4.06	0.73	Tinggi
	Kognitif	4.09	0.61	Tinggi
	Perilaku	3.93	0.73	Sederhana tinggi

Merujuk kepada Rajah 2, skor min bagi komponen perilaku adalah lebih rendah berbanding komponen afektif dan kognitif. Keputusan kajian ini mencerminkan cabaran yang dihadapi oleh pelajar Cina di Serian dalam menterjemahkan sikap positif mereka kepada amalan, terutamanya ketika memberi pandangan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina di dalam bilik darjah. Fenomena ini berkemungkinan dipengaruhi oleh konteks sosiobudaya pelajar di daerah Serian, Sarawak. Serian merupakan kawasan luar bandar yang mempunyai komposisi penduduk etnik Cina yang kecil berbanding etnik lain seperti Bidayuh,

Iban, dan Melayu. Dalam persekitaran yang didominasi oleh pelbagai bahasa dan kumpulan etnik lain, pelajar Cina mungkin berdepan dengan tekanan sosial dan cabaran identiti, terutamanya ketika bahasa perantaraan yang lebih dominan seperti bahasa Iban atau dialek tempatan.

Tambahan pula, bahasa Cina bukanlah bahasa komunikasi utama dalam kalangan pelajar itu sendiri. Mereka lebih fasih dalam dialek atau bahasa tempatan. Kekangan penguasaan ini boleh menjejaskan keyakinan mereka untuk menggunakan bahasa Cina secara aktif dalam konteks formal, khususnya di dalam bilik darjah. Justeru, tahap perilaku yang lebih rendah, meskipun mereka menunjukkan sikap positif dari aspek perasaan dan kefahaman terhadap pembelajaran bahasa Cina.



Rajah 2. Perbandingan skor min sikap antara komponen afektif, kognitif dan perilaku

3. Tahap Niat untuk Belajar

Berdasarkan Jadual 9, min keseluruhan bagi niat untuk belajar bahasa Cina adalah tinggi (min = 5.05, sp = 1.05) dalam kalangan pelajar Cina sekolah menengah kebangsaan di Serian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa komponen niat tulen (min = 5.53, sp = 1.05) dan tingkah laku (min = 5.11, sp = 1.17) berada pada tahap tinggi. Sementara itu, niat jangkaan hasil (min = 4.44, sp = 1.52) dan ramalan sendiri (min = 4.31, sp = 1.36) berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa niat tulen dan tingkah laku merupakan komponen yang paling dominan dalam membentuk niat pelajar untuk mempelajari bahasa Cina.

Jadual 9. Tahap niat untuk belajar Bahasa Cina

Konstruk	Komponen	Min	SP	Tahap
Niat		5.05	1.05	Tinggi
	Niat tingkah laku	5.11	1.17	Tinggi
	Niat tulen	5.53	1.17	Tinggi
	Niat ramalan sendiri	4.31	1.36	Sederhana
	Niat jangkaan hasil	4.44	1.52	Sederhana

4. Hubungan sikap terhadap Bahasa Cina dan Niat untuk Belajar

Analisis korelasi digunakan untuk menentukan hubungan antara sikap terhadap bahasa Cina dengan niat untuk belajar bahasa Cina. Secara keseluruhannya, Jadual 10 menunjukkan hubungan antara sikap terhadap bahasa Cina dengan niat untuk belajar bahasa Cina dalam kalangan pelajar Cina sekolah menengah kebangsaan di Serian. Dapatan menunjukkan bahawa sikap pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan niat untuk belajar bahasa Cina, dengan kekuatan korelasi yang sangat tinggi ($r = .714$, $p < .01$). Sementara itu, kekuatan hubungan antara setiap komponen sikap dengan niat berada pada tahap tinggi, iaitu afektif ($r = .691$,

$p < .01$), kognitif ($r = .628$, $p < .01$), dan tingkah laku ($r = .630$, $p < .01$). Selain itu, ketiga-tiga komponen sikap juga menunjukkan korelasi yang kuat antara satu sama lain. Sebagai contoh, afektif berkorelasi tinggi dengan skor sikap keseluruhan ($r = .949$), manakala tingkah laku berkorelasi tinggi dengan afektif ($r = .798$) dan kognitif ($r = .715$).

Jadual 10. Analisis korelasi Pearson

		Sikap	Afektif	Kognitif	Perilaku	Niat
Sikap	Pearson Correlation	1				
	Sig. (2-tailed)					
	N	174				
Afektif	Pearson Correlation	.949**	1			
	Sig. (2-tailed)	.000				
	N	174	174			
Perilaku	Pearson Correlation	.895**	.798**	1		
	Sig. (2-tailed)	.000	.000			
	N	174	174	174		
Kognitif	Pearson Correlation	.894**	.753**	.715**	1	
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000		
	N	174	174	174	174	
Niat	Pearson Correlation	.714**	.691**	.628**	.630**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	
	N	174	174	174	174	174

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Cina berada pada tahap tinggi secara keseluruhan, dengan komponen kognitif mencatatkan skor tertinggi, diikuti oleh afektif dan perilaku. Namun begitu, komponen perilaku mencatat skor yang sedikit rendah berbanding komponen lain, mencerminkan kesukaran pelajar untuk mempraktikkan sikap positif tersebut secara konsisten dalam tindakan, seperti bertutur bahasa Cina di dalam bilik darjah. Situasi ini menunjukkan bahawa walaupun pelajar memiliki kesedaran dan sikap positif terhadap pembelajaran bahasa Cina, masih wujud jurang antara sikap dan tindakan.

Sementara itu, min keseluruhan bagi niat untuk belajar bahasa Cina juga tinggi, terutamanya dari aspek niat tulen dan tingkah laku. Penemuan ini mendorong analisis lanjutan terhadap hubungan antara sikap dan niat pelajar dalam konteks pembelajaran bahasa Cina. Hasil analisis menunjukkan bahawa hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut adalah signifikan dan sangat kuat, dengan komponen afektif mencatat korelasi tertinggi. Dapatan ini secara tidak langsung menekankan bahawa usaha untuk meningkatkan niat pelajar harus memberi penekanan khusus kepada aspek emosi, di samping mengatasi kekangan yang menghalang pelajar menterjemahkan sikap positif mereka ke dalam tindakan yang nyata.

Dapatan kajian ini mengesahkan prinsip utama TPB (Ajzen, 1985), iaitu sikap memainkan peranan penting dalam meramalkan niat individu untuk bertindak. Penemuan ini selaras dengan kajian lepas yang membuktikan kewujudan hubungan positif antara sikap pelajar dan niat pembelajaran, seperti yang dilaporkan oleh Gardner (1985) dan Karahan (2007). Secara khusus, komponen afektif dalam kajian ini mencatat korelasi tertinggi dengan niat, menandakan bahawa aspek emosi seperti minat, keseronokan dan keterikatan terhadap bahasa Cina merupakan pemangkin utama dalam pembentukan niat pelajar. Hal ini turut diperakui dalam kajian Anghelache (2013) dan Getie (2020), yang menekankan peranan dominan emosi positif dalam mendorong pelajar untuk meneruskan pembelajaran bahasa.

Dapatan ini juga seiring dengan penemuan Wen (2011) dan Yu (2015). Kedua-dua kajian tersebut mengaitkan niat pembelajaran dengan identiti budaya dan motivasi dalaman. Ini menunjukkan bahawa faktor afektif bukan sekadar melibatkan perasaan, tetapi juga berkait rapat dengan aspek psikososial pelajar. Dalam bidang yang berbeza, Palmer (2020) dan Jeffries et al. (2019) mendapati unsur afektif seperti minat dan kepercayaan sendiri turut menjadi peramal signifikan terhadap niat pelajar dalam konteks STEM. Hal ini menandakan bahawa pengaruh afektif terhadap niat bersifat rentas bidang. Dalam konteks tempatan,

penemuan ini selari dengan dapatan Zakaria et al. (2012) dan Latifah (2015). Kedua-dua kajian melaporkan bahawa niat pelajar dipengaruhi oleh kepercayaan terhadap keberkesanan pembelajaran dan jangkaan kerjaya. Ini menunjukkan pentingnya membina sikap positif berasaskan keyakinan dan aspirasi masa hadapan.

Selaras dengan rangka teori dan penemuan kajian lepas, dapatan kajian ini secara keseluruhannya menyokong hipotesis yang dikemukakan, iaitu terdapat hubungan signifikan antara sikap dan niat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Cina. Hasil analisis korelasi yang menunjukkan hubungan sangat kuat antara kedua-dua pemboleh ubah ($r = .714$, $p < .01$) mengukuhkan hipotesis tersebut. Selain itu, ketiga-tiga komponen sikap iaitu afektif, kognitif dan perilaku turut mencatat korelasi tinggi dengan niat, mengesahkan bahawa sikap secara menyeluruh memainkan peranan penting dalam membentuk niat pelajar. Dapatan kajian ini mengukuhkan lagi andaian utama dalam TPB yang menyatakan bahawa sikap merupakan peramal kepada niat (Ajzen, 1991).

Niat pelajar untuk meneruskan pembelajaran bahasa Cina bukan sahaja menjadi petunjuk awal terhadap kemungkinan tingkah laku linguistik sebenar, malah mencerminkan potensi pengekalan serta pemeliharaan bahasa tersebut dalam jangka panjang. Pelajar yang menunjukkan tahap niat yang tinggi lebih berkemungkinan memilih bahasa Cina sebagai mata pelajaran elektif, melanjutkan pembelajaran, serta mempertimbangkan kerjaya yang memerlukan kemahiran bahasa tersebut. Hal ini sejajar dengan prinsip TPB yang menegaskan bahawa niat merupakan penentu utama kepada tingkah laku (Ajzen, 1991). Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menekankan kepentingan membina sikap yang kukuh dan menyeluruh terhadap pembelajaran bahasa Cina sebagai asas kepada pembentukan niat yang mampan. Pembinaan sikap positif ini bukan sahaja menyumbang kepada pencapaian pembelajaran semasa, malah menjadi langkah penting ke arah memastikan kesinambungan penggunaan bahasa Cina dalam kalangan generasi muda.

Penemuan ini membawa beberapa implikasi penting dalam konteks dasar pendidikan bahasa di Malaysia, khususnya dalam usaha mengekalkan bahasa warisan seperti bahasa Cina dalam sistem pendidikan kebangsaan. Kajian ini sejajar dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, khususnya dalam memperkukuh penguasaan pelbagai bahasa dalam kalangan pelajar (KPM, 2013). KPM berhasrat untuk memastikan setiap pelajar mempunyai peluang mempelajari bahasa lain dari peringkat rendah hingga menengah, dengan keutamaan kepada bahasa Cina, Tamil dan Arab pada fasa permulaan. Usaha ini termasuk meningkatkan bilangan guru bahasa agar sepadan dengan permintaan pelajar. Tahap niat yang tinggi yang ditunjukkan oleh pelajar menjadi asas yang kukuh bagi pembentukan dasar pendidikan yang lebih responsif dan berpusatkan pelajar. Ini termasuk penambahbaikan kurikulum, latihan guru, dan penyediaan sumber pengajaran yang selaras dengan keperluan serta aspirasi pelajar untuk mengekalkan penguasaan bahasa warisan mereka.

Dalam konteks masyarakat berbilang bahasa seperti Serian, Sarawak, keinginan pelajar untuk mewariskan bahasa Cina kepada generasi akan datang turut menjadi asas penting kepada kesinambungan intergenerasi. Penggunaan bahasa Cina dalam kehidupan seharian bukan sahaja memperkukuh niat tersebut, malah mendorong pelajar untuk mempengaruhi rakan dan ahli keluarga agar turut menghargai serta menggunakan bahasa tersebut. Usaha berterusan ini amat penting bagi mencegah peralihan bahasa dan kehilangan identiti budaya, terutamanya apabila bahasa warisan sering terpinggir akibat dominasi bahasa Inggeris dan pengaruh etnik majoriti. Sehubungan itu, sebarang dasar pendidikan bahasa yang mengabaikan aspek identiti dan niat pelajar berisiko mempercepatkan proses asimilasi dan kehilangan bahasa dalam kalangan generasi muda (Lumban Batu, 2020).

Di samping itu, pembentukan sikap positif terhadap bahasa Cina adalah penting untuk menentukan tahap niat pelajar untuk meneruskan pembelajaran bahasa tersebut. Usaha meningkatkan niat ini perlu menitikberatkan komponen afektif dalam proses pembelajaran, khususnya aspek minat, keseronokan dan keterikatan emosi terhadap bahasa. Oleh itu, penggubal kurikulum perlu mengambil kira aspek identiti dan emosi pelajar semasa merangka kandungan dan pendekatan pengajaran bahasa minoriti. Kurikulum yang mengintegrasikan elemen budaya, sejarah dan nilai etnik dalam pengajaran bukan sahaja dapat meningkatkan jati diri pelajar, malah mendorong mereka untuk terus mempelajari serta menggunakan bahasa tersebut dalam kehidupan seharian (Yu, 2015; Lumban Batu, 2020). Akhir sekali, intervensi pedagogi yang dirancang perlu bersifat autentik dan komunikatif agar pelajar terlibat secara bermakna dalam penggunaan bahasa. Langkah-

langkah ini penting untuk memastikan pendidikan bahasa bukan sekadar bersifat akademik, tetapi juga berfungsi sebagai medium pemeliharaan warisan budaya dalam kalangan generasi muda.

Kajian ini memberikan sumbangan empirikal yang signifikan dalam memahami faktor yang mendorong pelajar luar bandar untuk mempelajari bahasa Cina, khususnya dalam konteks Serian, Sarawak. Penemuan ini bukan sahaja mengisi jurang dalam kajian terdahulu yang kurang memberi tumpuan kepada populasi luar bandar dan bahasa Cina, tetapi juga menyumbang secara langsung kepada dasar pemerkasaan pendidikan pelbagai bahasa. Dalam konteks ini, kajian ini menyokong usaha nasional untuk memperkukuh pemeliharaan dan pengembangan bahasa ibunda dalam sistem pendidikan kebangsaan melalui data yang berasaskan realiti tempatan. Dari sudut amalan, kajian ini membantu menjelaskan peranan sikap dan niat dalam proses pembelajaran bahasa Cina dalam kalangan pelajar luar bandar. Pemahaman ini boleh dijadikan rujukan empirikal dalam merangka strategi sokongan yang lebih efektif di peringkat sekolah dan bilik darjah. Antaranya termasuklah reka bentuk intervensi pengajaran yang sesuai, pemerkasaan guru, serta penglibatan komuniti bagi menyokong penggunaan dan pemindahan bahasa antara generasi. Dari sudut teori, kajian ini mengukuhkan kebolegunaan TPB dalam menjelaskan tingkah laku linguistik pelajar luar bandar. Dari sudut metodologi pula, penggunaan pendekatan kuantitatif dengan instrumen yang disesuaikan secara kontekstual memberikan satu model pengukuran yang boleh dijadikan rujukan dalam kajian bahasa minoriti di kawasan setempat.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap positif terhadap bahasa Cina berkait rapat dengan niat untuk mempelajarinya. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan niat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Cina perlu diberi keutamaan dengan menitikberatkan aspek afektif dalam reka bentuk kurikulum dan pengajaran. Pendekatan ini merangkumi strategi yang mampu memupuk minat intrinsik, penghayatan budaya serta keyakinan sendiri dalam kalangan pelajar. Usaha ini perlu disokong melalui dasar pendidikan yang lebih berfokus dan strategi yang mampan, agar bahasa Cina terus kekal relevan dan dapat diwarisi dalam konteks masyarakat berbilang bahasa di Malaysia.

Pertama, latihan guru yang lebih sistematik perlu dirangka agar pendidik mampu membina persekitaran bilik darjah kondusif yang menyokong perkembangan sikap positif pelajar, termasuk kepekaan terhadap peranan emosi dan identiti budaya. Kedua, reka bentuk kurikulum perlu mengambil kira unsur warisan dan nilai budaya pelajar, agar kandungan pembelajaran lebih bermakna dan relevan kepada pengalaman pelajar. Ketiga, penglibatan aktif ibu bapa dan komuniti dalam memupuk sikap positif terhadap bahasa Cina wajar digalakkan, sama ada melalui program kerjasama antara sekolah dan komuniti atau aktiviti kokurikulum berunsurkan warisan budaya.

Walaupun dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap mempengaruhi niat dalam pembelajaran bahasa Cina, faktor lain seperti pengaruh rakan sebaya, kualiti guru dan identiti budaya yang tidak dikaji dalam kajian ini juga berpotensi mempengaruhi niat pelajar dan tidak wajar diketepikan. Pengaruh sosial daripada persekitaran yang positif mampu mengukuhkan lagi sikap pelajar terhadap bahasa Cina. Rakan sebaya yang menghargai dan menggunakan bahasa Cina dalam pergaulan harian dapat mendorong penglibatan yang lebih aktif dalam kelas serta menjadikan penggunaan bahasa Cina sebagai sesuatu yang normal dan boleh diterima. Ini selaras dengan dapatan kajian lepas yang menunjukkan bahawa kelulusan sosial daripada rakan sebaya memberi kesan besar terhadap motivasi dan sikap terhadap bahasa (Gardner, 1985).

Guru yang berkualiti dan mempunyai kompetensi pedagogi, menunjukkan sikap positif, serta mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang inklusif dan menarik mampu meningkatkan minat pelajar serta membina keyakinan diri mereka dalam mempelajari bahasa Cina (Mazana et al., 2019). Guru yang aktif dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif menyokong penggunaan bahasa secara sebenar. Dalam hal ini, guru berperanan sebagai model teladan bahasa dan budaya. Langkah-langkah ini penting untuk membantu pelajar mengaplikasikan sikap positif mereka dalam amalan harian, seterusnya memperkukuh niat untuk terus mempelajari dan menggunakan bahasa Cina.

Identiti budaya pelajar memainkan peranan penting dalam membentuk sikap positif dan niat yang tinggi untuk mengekalkan penggunaan bahasa Cina. Pelajar yang mempunyai jati diri yang kukuh serta rasa

bangga terhadap warisan budaya mereka lazimnya melihat bahasa Cina bukan sekadar sebagai alat komunikasi, tetapi sebagai simbol identiti dan warisan yang wajar dipelihara (Yu, 2015). Motivasi dalaman yang berpunca daripada kesedaran identiti ini mendorong pelajar untuk terus mempelajari dan menggunakan bahasa tersebut. Hal ini demikian kerana identiti etnik yang kuat menyumbang kepada keazaman pelajar untuk mengekalkan warisan bahasa mereka (Wen, 2011; Yu, 2015).

Kajian lanjutan disarankan untuk meneroka faktor kontekstual lain yang mungkin memediasi hubungan antara sikap dan niat pelajar, seperti pengaruh guru, persekitaran sekolah dan sokongan keluarga. Selain itu, penyelidikan juga boleh menumpukan kepada penerokaan faktor luaran yang digariskan dalam TPB, khususnya norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dirasakan. Kajian intervensi turut wajar dijalankan bagi menilai keberkesanan strategi pengajaran tertentu dalam meningkatkan sikap dan niat terhadap bahasa Cina. Pendekatan bersepadu yang merangkumi aspek pedagogi, dasar, dan sokongan komuniti diyakini dapat menyumbang secara lebih berkesan kepada kelestarian bahasa warisan dalam sistem pendidikan pelbagai budaya di Malaysia.

Penghargaan: Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada KPM atas tajaan Hadiah Latihan Persekutan (HLP). Ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan, guru-guru serta pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan atas kerjasama dan respon yang diberikan.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Abidin, M., Pour-Mohammadi, M., & Alzwari, H. (2012). EFL students' attitudes towards learning English language: The case of Libyan secondary school students. *International Journal of Asian Social Science*, 8(2), 119-134. <https://doi.org/10.5539/ass.v8n2p119>
- Ahmad, U. N. U., & Amin, S. M. (2012). The komponenons of technostress among academic librarians. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 65, 266-271. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.11.121>
- Ajzen, I. (1985). From intentions to actions: A Theory of Planned Behavior. In J. Kuhl & J. Beckmann (Eds.), *Action control: From cognition to behavior* (pp. 11-39). Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-642-69746-3_2
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179-211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Anghelache, V. (2013). Determinant factors of students' attitudes toward learning. *Social and Behavioral Sciences*, 93, 478-482. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.09.223>
- Armitage, C. J., & Conner, M. (2001). Efficacy of the Theory of Planned Behavior: A meta-analytic review. *British Journal of Social Psychology*, 40, 471-499. <https://doi.org/10.1348/014466601164939>
- Cohen, J. (1977). *Statistical Power Analysis for Behavioral Sciences*. Academic Press.
- Cohen, J., & Hanno, D. (1993). An analysis of underlying constructs affecting choice of accounting as a major. *Issues in Accounting Education*, 8, 219-238.
- Csizer, K. & Dornyei, Z. (2005). The internal structure of language learning motivation and its relationship with language choice and learning effort. *The Modern Language Journal*, 89, 19-36. <https://doi.org/10.1111/j.0026-7902.2005.00263.x>
- Davies, J.A. (1971). *Elementary Survey Analysis*. Prentice Hall.
- Department of Statistics Malaysia. (2020). *Population statistics for Serian division*. Premier Department of Sarawak. <https://premierdept.sarawak.gov.my/web/attachment/show/?docid=SWVnN1ZMN0xqQVY3UlpTWWpqRXVTQT09OjrN1s5ZEBpLBAYQoeIPoNKd>
- Di Martino, P., & Zan, R. (2011). Attitude towards mathematics: A bridge between beliefs and emotions. *The International Journal on Mathematics Education*, 43(4), 471-482. <https://doi.org/10.1007/s11858-011-0309-6>

- Extra, G. (1984). Learning second and foreign languages. In T. van Els, T. Bongaerts, G. Extra, C. van Os, & A. Janssen-van Dieten (Eds.), *Applied linguistics and the learning and teaching of foreign languages* (pp. 14-102). Edward Arnold.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, attitude, intention and behavior: An introduction to theory and research*. Addison-Wesley.
- Fishbein, M. (1980). A Theory of Reasoned Action: Some applications and implications. In H. Howe & M. Page (Eds.), *Nebraska Symposium on Motivation* (pp. 65-116). University of Nebraska Press.
- Gardner, R. (1985). *Social psychology and second language learning: The role of attitudes and motivation*. Edward Arnold.
- Getie, A. S. (2020). Factors affecting the attitudes of students towards learning English as a foreign language. *Cogent Education*, 7(1). <https://doi.org/10.1080/2331186X.2020.1738184>
- Haunberger, S., & Hadjar, A. (2020). Why are male students less likely to opt for social science courses? A theory-driven analysis. *International Social Work*, 1-18. <https://doi.org/10.1177/0020872819884982>
- Hofstein, A., & Mamlok-Naaman, R. (2011). High-school students' attitudes toward and interest in learning chemistry. *Educación Química*, 22(2), 90-102. [https://doi.org/10.1016/s0187-893x\(18\)30121-6](https://doi.org/10.1016/s0187-893x(18)30121-6)
- Jeffries, D., Curtis, D. D., dan Conner, L. N. (2019). Student factors influencing STEM subject choice in year 12: A Structural Equation Model using PISA/LSAY data. *International Journal of Science and Mathematics Education*. <https://doi.org/10.1007/s10763-019-09972-5>
- Jones, T., Baxter, M., & Khanduja, V. (2013). A quick guide to survey research. *The Annals of The Royal College of Surgeons of England*, 95(1), 5-7. <https://doi.org/10.1308/003588413x13511609956>
- Karahan, F. (2007). Language attitudes of Turkish students. *Journal of Arts and Sciences*, 7, 73-87. <https://www.researchgate.net/publication/285696531>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Surat pekeliling ikhtisas bilangan 6 tahun 2019. <https://www.moe.gov.my/surat-pekelling-ikhtisas-bilangan-6-tahun-2019-pe>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019a). Laporan analisis keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2018. <https://lp.moe.gov.my/index.php/laporan-analisis-keputusan>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Laporan analisis keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2019. <https://lp.moe.gov.my/index.php/laporan-analisis-keputusan>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Laporan analisis keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2020. <https://lp.moe.gov.my/index.php/laporan-analisis-keputusan>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). Laporan analisis keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2021. <https://lp.moe.gov.my/index.php/laporan-analisis-keputusan>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). Laporan analisis keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2022. <https://lp.moe.gov.my/index.php/laporan-analisis-keputusan>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024). Laporan analisis keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2023. <https://lp.moe.gov.my/index.php/laporan-analisis-keputusan>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025: Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah*. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/1818-pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025/file>
- Latifah, I. (2015). Factors influencing Malaysian students' choice of major in universities in the United Kingdom. *The Online Journal of Quality in Higher Education*, 2(4), 10-23. <https://tojqi.net/journals/tojqi/articles/v02i04/v02i04-02.pdf>
- Liñán, F. & Chen, Y. W. (2009). Development and cross-cultural application of a specific instrument to measure entrepreneurial intentions. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 593-617. <http://dx.doi.org/10.1111/j.1540-6520.2009.00318.x>
- Lumban Batu, P. N. (2020). Heritage language and ethnic identity: A study on students' identity and their self-identification of their ethnicities in Jakarta. *CELT: A Journal of Culture, English Language Teaching & Literature*, 20(1), 1–19. <https://doi.org/10.24167/celt.v20i1.2444>

- Mazana, M. Y., Montero, C. S., & Casmir, R. O. (2019). Investigating students' attitude towards learning mathematics. *International Electronic Journal of Mathematics*, 14(1), 207-231. <https://doi.org/10.29333/iejme/3997>
- Nasir, Z. M., & Hamzah, Z. A. Z. (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 134, 408-415. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.263>
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). McGraw-Hill.
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS* (7th ed.). Routledge.
- Palmer, T. A. (2020). Student subject choice in the final years of school: Why science is perceived to be of poor value. *The Australian Educational Researcher*. <https://doi.org/10.1007/s13384-019-00357-9>
- Preston, C. C., & Colman, A. M. (2000). Optimal number of response categories in rating scales: Reliability, validity, discriminating power, and respondent preferences. *Acta Psychologica*, 104(1), 1-15. [https://doi.org/10.1016/S0001-6918\(99\)00050-5](https://doi.org/10.1016/S0001-6918(99)00050-5)
- Reid, N. (2003). Getting started in pedagogical research in the physical sciences. *Centre for Science Education*, University of Glasgow. <https://www.researchgate.net/publication/242482113>
- Sathapornvajana, S., & Watanapa, B. (2012). Factors affecting student's intention to choose IT program. *Procedia Computer Science*, 13, 60-67. <https://doi.org/10.1016/j.procs.2012.09.114>
- Spiteri, J. & Axisa, G. B. (2022). Factors influencing students' subject choice in year 8 within the Maltese education system. *Symposia Melitensia*, 18, 107-126. <https://www.um.edu.mt/library/oar/bitstream/123456789/97396/1/SymMel18A8.pdf>
- Swirski, H., & Baram-Tsabari, A. (2014). Bridging the gap between the science curriculum and students' questions: Comparing linear vs. hypermedia online learning environments. *Interdisciplinary Journal of E-Learning and Learning Objects*, 10, 153-175. <http://www.ijello.org/Volume10/IJELLOv10p153-175Swirski0898.pdf>
- Taylor, R. C. (2015). Using the Theory of Planned Behaviour to understand students' subject choices in post-compulsory education. *Research Papers in Education*, 30(2), 214-231, <https://doi.org/10.1080/02671522.2014.880732>
- Triandis, H. C. (1980). Values, attitudes, and interpersonal behavior. In H. Howe & M. Page (Eds), *Nebraska Symposium on Motivation* (pp. 195-259). University of Nebraska Press.
- Wen, X. H. (2011). Chinese language learning motivation: A comparative study of heritage and non-heritage learners. *Heritage Language Journal*, 8(3). <http://dx.doi.org/10.46538/hlj.8.3.3>
- Wenden, A. (1991). *Learner strategies for learner autonomy*. Prentice Hall.
- Wilson, N., & McLean, S. (1994). *Questionnaire design: A practical introduction*. Newtown Abbey, Co. Antrim: University of Ulster Press
- Yu, S. (2015). The relationships among heritage language proficiency, ethnic identity, and self-esteem. *FIRE: Forum for International Research in Education*, 2(2), 57-71. <https://preserve.lehigh.edu/fire/vol2/iss2/5>
- Zakaria, M., Wan Fauzi, W. N. A., & Hasan, S. J. (2012). Accounting as a choice of academic program. *Journal of Business Administration Research*, 1(1), 43-52. <https://doi.org/10.5430/jbar.v1n1p43>